

UCAPAN
YBHG DATUK SETIAUSAHA SPP

Sempena Perhimpunan
Bulanan Warga SPP
September 2016

*Auditorium Jabatan
Perdana Menteri
2 September 2016
(Jumaat)*

Bismillahirrahmanirrahim.

Terima kasih pengacara majlis

YBrs. Encik Chin Weng Peng

Timbalan Setiausaha (Pengambilan & Perkhidmatan)

YBrs. Encik Mahpof bin Mahmood

Timbalan Setiausaha (Pengurusan)

Setiausaha-Setiausaha Bahagian

Tuan-Tuan dan Puan-Puan Warga SPP yang dihormati
sekalian

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam
Sejahtera

Kata-kata Aluan

1. Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah dan kurnia-Nya, dapat kita bersama-sama seluruh Warga SPP berkumpul bagi menjayakan perhimpunan bulanan buat kali ke2 sejak saya mula bertugas di SPP pada 30 Mei 2016. Tahniah dan terima kasih kepada tuan-tuan dan puan-puan yang dapat melapang masa menghadiri Majlis Perhimpunan Bulanan SPP pada kali ini, program yang kita putuskan diadakan setiap 3 bulan sekali (suku tahun). Untuk makluman hadiran sekalian pada 10

September ini, genap 100 hari saya memegang jawatan Setiausaha, terima kasih banyak atas kerjasama dan sokongan yang diberikan selama ini oleh semua peringkat Warga SPP daripada Timbalan Setiausaha hingga kepada Pembantu Operasi/ Pemandu Kenderaan. Moga apa yang kita impikan bagi menjadikan SPP organisasi yang cemerlang akan tercapai. Saya percaya dengan komitmen yang diberikan oleh setiap Warga SPP serta amalan budaya bekerja sebagai satu pasukan, menjadi asas kepada SPP untuk bertambah kukuh dan menjadi jatidiri hingga mampu menjadi agensi contoh bukan sahaja dikalangan agensi di bawah JPM tapi keseluruhan perkhidmatan awam keseluruhan.

Tuan-Tuan dan Puan-Puan Yang dihormati sekalian,

Ucapan Hari Kebangsaan 31 Ogos

2. Sempena Majlis Perhimpunan pagi ini saya rasa tidak terlewat bagi mengucapkan **Selamat Menyambut Hari Kebangsaan** buat semua Warga SPP. Dengan slogan “Sehati Sejiwa” diharapkan sambutan ke 59 ulang tahun kemerdekaan ini akan menjadikan semua Warga SPP lebih matang dan lebih terbuka pemikiran masing-masing dalam usaha meningkatkan peranan SPP dalam melaksanakan fungsi-fungsi yang ditetapkan dalam Perlembagaan Malaysia.

3 Bagi saya, tahun ini merupakan tahun ke 4 saya berada di Dataran Merdeka bermula sebagai peserta yang menyertai pembarisan dan tahun ini menjadi penonton bersama dengan para pemimpin negara dan orang awam. Mungkin ada di antara tuan-tuan dan puan-puan Warga SPP berada di Dataran Merdeka lokasi sambutan Hari Kebangsaan dua hari lepas. Apapun lokasi kita berada pada hari tersebut, sematkan semangat patriotik dan kenegaraan dikalangan kita dan semua Ahli Keluarga. Bagi maksud tersebut, saya difahamkan sempena Majlis Perhimpunan Bulanan kali ini, Urusetia telah menjemput Pegawai Biro Tatanegara bagi menyampaikan ceramah atas tajuk tersebut. Saya pohon kita Warga SPP sama menghayati sesi ceramah tersebut nanti.

Tahniah dan Syabas Warga SPP

4. Sepanjang tempoh bulan Jun hingga Ogos 2016, beberapa program mahupun aktiviti dilaksanakan oleh SPP termasuk penyertaan beberapa pertandingan. Saya mengambil kesempatan ini mengucapkan tahniah dan syabas kepada Warga SPP yang terlibat secara langsung atau tidak langsung bagi pencapaian dan kejayaan berikut:

- (i) 5 Bintang bagi Portal SPP

- (ii) 100% dalam HRMIS
- (iii) 100% bayaran bil bawah 14 hari
- (iv) Majlis Sambutan Hari Raya Aidil Fitri 2016
- (v) Urusan temuduga Kumpulan AKP bagi KPM
- (vi) Urusan Temuduga PPP bagi PERMATA dan Open Market bagi Negeri Sarawak

5. Tahniah dan syabas juga kepada Warga SPP yang bertungkus lumus menaikkan imej SPP dengan menyertai pertandingan berikut:

- (i) Bolasepak 9 Sebelah Anjuran MAKSWIP – Pasukan Bolasepak SPP berada Top 6 dan kalah dengan JPA selaku Juara dalam pertandingan berkenaan
- (ii) Program Seni Budaya Sempena Hari Kebangsaan anjuran Majlis Perbandaran Subang Jaya – Pasukan Koir SPP menduduki tempat ke 4 dibelakang 3 pasukan yang terdiri daripada Pihak Berkuasa Tempatan

Penyertaan Program / Kursus

6 Beberapa program mahupun kursus yang dianjurkan oleh Agensi Kerajaan lain turut disertai Warga SPP yang memberi

faedah dalam meningkatkan pengetahuan selain memperkenalkan SPP dikalangan peserta mahupun orang awam, antaranya

- (i) Penyertaan SPP Urusetia Cawangan Sabah dalam Karnival Kerja Anjuran SPA di Kota Kinabalu, Sabah
- (ii) Penyertaan pegawai SPP dalam CAPAM – Persidangan Dwitahunan Pertubuhan Komanwel Pentadbiran Awam dan Pengurusan 2016
- (iii) Penyertaan pegawai SPP dalam Kursus NBOS anjuran INTAN

Saya akan sentiasa menyokong Warga SPP memperkaya ilmu pengetahuan dan meningkatkan kemahiran dengan menghadiri program mahupun kursus berbentuk ilmiah yang saya sebut sebentar tadi. Bagi membantu Unit Latihan kita, tuan-tuan dan puan-puan boleh mengenalpasti program mahupun kursus yang sesuai untuk dicadangkan supaya penilaian dapat dibuat oleh Unit berkenaan.

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian

Peningkatan Integriti dan Displin

7 Saya meletakkan integriti dan displin setiap Warga SPP pada tahap utama dalam usaha menentukan SPP memelihara

kredibiliti dan kebolehpercayaan atas amanah yang diperkenaan Seri Paduka Yang Di Pertuan Agong.. Walaupun SPP bukan antara Agensi berisiko seperti Agensi-agensi Kerajaan yang lain seperti Jabatan Kerjaraya dan Pihak Berkuasa Tempatan, namun kita tidak boleh berkompromi jika ada pegawai SPP mengabaikan integriti dan amanah yang dipertanggungjawabkan. Tindakan SPRM – Suruhanjaya Pencegah Rasuah Malaysia yang dipaparkan dalam media baru-baru ini jelas menunjukkan penyelewengan masih berlaku. Walaupun belum disabitkan kesalahan tersebut, namun ia sedikit sebanyak mencemarkan nama baik pegawai awam.

8. Saya juga mengambil kesempatan ini mengingatkan setiap Warga SPP mematuhi waktu kerja yang ditetapkan. Teguran berserta snap photo beberapa orang pegawai JPM yang menjijing makanan dipintu lif pada waktu pejabat yang dipanjangkan oleh YBhg Tan Sri Othman bin Haji Mahmood Timbalan Ketua Setiausaha Kanan JPM perlu diambil perhatian serius oleh setiap Warga SPP. Begitu juga squad yang ditubuhkan oleh JPA difahamkan sentiasa memantau dan mengambil gambar pegawai awam yang makan minum dimana-mana permis sekitar Putrajaya. Jika ada dikalangan Warga SPP mengamalkan salahlaku tersebut, hentikan mulai hari dan saat ini.

Kelab Rekreasi dan Sukan SPP

9 Salah satu respon yang saya perolehi semasa sesi perjumpaan dengan pegawai SPP mengikut Bahagian baru-baru ini adalah memulihkan semula Kelab Sukan dan Rekreasi SPP (KSS-SPP) supaya dapat berperanan menjaga kebajikan serta melaksanakan program manfaat kepada semua Warga SPP. Ramai dikalangan Warga SPP sayangkan Kelab ini dan mereka mahupun ia digerakkan semula bagi menjadi tempat rujukan mereka dalam melibatkan diri dengan program yang bukan tugas pejabat. Tuan-tuan dan puan-puan mungkin bersetuju dengan saya, Agensi yang cemerlang yang kita perhatikan selama ini bukan sahaja berdasarkan pencapaian kerja mereka tapi turut mempunyai Kelab Kebajikan yang aktif. Berdasarkan pengalaman saya memegang jawatan dalam Kelab di beberapa Agensi seperti MINDEF, Bahagian Perkhidmatan JPA dan Kementerian Wilayah Persekutuan, tunjang utama kejayaan Kelab adalah keahliannya. Sebaliknya berlaku semasa saya dijemput membuat perasmian Mesyuarat Agong Kelab Kebajikan dan Rekreasi SPP baru-baru ini, saya terkejut kerana hanya 35 pegawai SPP yang hadir dan setelah disemak rupanya hanya 44 Ahli Kelab yang berdaftar mengikut Pelembagaan/Undang-undang KSS-SPP.

10 Kesimpulan saya apabila melihat perkara ini, hanya tuan-tuan dan puan-puan yang berada di Dewan ini mempunyai tanggungjawab bagi memulihkan Kelab Kebajikan dan Rekreasi SPP. Tindakan pertama kita, beramai-ramai berdaftar bagi menjadi Ahli Kelab dengan menggunakan borang yang saya difahamkan akan diedarkan pagi ini atau minggu depan. Saya akan menjadi Ahli pertama berdaftar dan meminta setiap Setiausaha Bahagian menentukan pegawai Bahagian masing-masing sama-sama berdaftar menjadi Ahli KSS-SPP. Saya telah mendapat kata putus Ahli-ahli sedia ada yang sebulat suara mengalu-alukan penyertaan tuan-tuan dan puan-puan dan merekan bersetuju bayaran bermula tarikh semasa termasuk Ahli-ahli terdahulu yang mempunyai tunggakan. Saya juga difahamkan selepas mendapat korum lebih ramai Ahli, Mesyuarat seterusnya memutuskan Ahli Jawatankuasa yang baru bagi Sesi 2016/ 2018. Saya doakan moga Kelab ini dapat digerakkan semula sebaik sahaja mendapat sokongan keahlian keseluruhan 240 pegawai SPP.

11 Sepanjang tempoh mendatang, Pihak Pengurusan SPP telah memutuskan untuk melaksanakan program/ perancangan berikut:

- (i) Perluasan E-Profer di beberapa negeri selepas rintis di Putrajaya, antaranya Kuala Lumpur dan Negeri Sembilan.
- (ii) Pelaksanaan MS ISO bagi beberapa tugas core business SPP
- (iii) pertukaran dalaman pegawai yang telah berkhidmat disatu-satu tempat melebihi 5 tahun – rotation
- (iv) Kolaborasi dengan pelanggan utama kita iaitu KPM dan KPT; misalnya atas persetujuan Rektor IPGM, SPP akan terlibat memberi taklimat kepada bakal graduan IPGM seluruh negara.
- (v) Mengadakan Hari Keluarga SPP – tugas ini diberi kepada AJK Kelab yang akan dilantik nanti.

12. Akhir kata marilah kita bersama-sama merapatkan saf, menanam azam untuk menjayakan dan melaksanakan agenda SPP serta menempa lebih banyak kejayaan dan kecemerlangan pada masa hadapan. Marilah kita sama-sama berdoa semoga segala usaha murni kita untuk SPP dalam usaha memartabatkan Perkhidmatan Awam dan membangunkan Negara diberkati dan mencapai matlamatnya.

16. Tidak lupa juga sempena bulan Zulhijjah yang merupakan bulan umat Islam menunai haji, maka mengambil kesempatan ini mengucapkan Selamat Menyambut Aidil Adha kepada semua Warga SPP yang beragama Islam. Kita sama-sama berdoa moga rakan kita Encik Mohamad Sulaiman dan Aizat Saufi yang terpilih menunaikan fardu haji tahun ini dipermudahkan serta mendapat haji yang mabrur. `Semoga segala kerja buat dan amalan kita akan sentiasa diberkati dan mendapat keredhaan dari Allah SWT.

Sekian, Wabillahittaufiq Walhidayah. Wassalamualaikum WarahmatullahiWabarakatuh